

# Protokol import binatang ternakan diubah

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) sedia mengubah beberapa protokol membabitkan proses mengimport binatang ternakan sekiranya haiwan import dikenal pasti menjadi ejen penyebaran Rumpai Miang Mexico di negara ini.

Ya susulan dakwaan yang dibuat Dekan Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Abdul Shukor Juraimi, kelmarin, kemungkinan rumpai itu disebarkan melalui najis lembu yang diimport.

Ketua Pengarah JPV, Datuk Dr Mohamad Azmie Zakaria, berkata pihaknya perlu menyasiat dahulu dakwaan itu kerana buat masa ini ia masih

pada peringkat hipotesis dan memerlukan bukti konkrit untuk pengesahan.

## Periksa najis haiwan

Katanya, JPV sedang bekerjasama dengan Jabatan Pertanian untuk membuat pemeriksaan pada najis haiwan ternakan seperti lembu dalam usaha mendapatkan bukti bagi mengesahkan dapatan berkenaan.

“Sekiranya ia dapat disahkan, kami perlu mengubah protokol membabitkan proses import binatang ternakan, namun ia hanya boleh dibuat jika ada bukti kukuh kerana ia membabitkan urusan dengan negara lain.

“Bagaimanapun, hipotesis (pensyarah UPM) ini mungkin satu daripada faktor yang menyebarkan tumbuhan itu di negara ini. Kita juga perlu melihat kemungkinan ada faktor lain,” katanya ketika dihubungi di sini, semalam.

Sementara itu, Kementerian Kesihatan melaporkan tiada peningkatan tren pesakit dengan gejala alahan kulit dan pernafasan seperti asma di Perak, Kedah, Negeri Sembilan atau Selangor walaupun rumpai itu dikatakan dikesan di negeri berkenaan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah, berkata kementerian memantau situasi itu dan sudah

memberi arahan kepada jabatan dan agensi berkaitan mengambil tindakan sewajarnya bagi mengawal dan memusnahkan rumpai berkenaan.

## Simptom alahan

“Orang awam perlu mengelakkan diri daripada terdedah atau tersentuh secara langsung dengan Rumpai Miang Mexico, namun tidak semua yang terdedah mengalami reaksi alahan.

“Antara simptomnya ialah ruam kulit, kulit mengelupas, gatal pada kulit, mata bengkak, rinitis alahan serta gangguan pada sistem pernafasan seperti selsema dan asma,” katanya dalam kenyataan.